

## Senario penghasilan pola pakaian di Malaysia bagi program fesyen TVET

### ABSTRAK

Dalam pendidikan TVET khususnya bagi program fesyen TVET isu utama adalah penghasilan pola pakaian. Kejayaan hasil rekaan pakaian bergantung kepada bagaimana pola yang dihasilkan. Di Malaysia isu ukuran tubuh badan menjadi isu utama disebabkan Malaysia mempunyai pelbagai kaum dan bentuk badan yang berbeza-beza. Ukuran bentuk badan yang standard untuk Malaysia agak sukar ditetapkan untuk digunapakai oleh semua institusi kemahiran sebagai garis panduan seperti di luar negara yang mempunyai ukuran badan yang standard. Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengetahui senario yang berlaku dalam penghasilan pola pakaian di Malaysia bagi program fesyen TVET. Fokus penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti senario yang berlaku di dalam pendidikan kemahiran latihan dan teknikal vokasional di Malaysia bagi program fesyen TVET dalam penggunaan pengendalian peralatan pendrafan pola pakaian. Kaedah yang digunakan adalah *content analysis* iaitu melalui sesi temubual bersama tenaga pengajar program fesyen TVET, pemerhatian, dan *empirical research*. Daripada kajian yang dijalankan, didapati penghasilan pola pakaian memerlukan pemahaman dan penguasaan dalam penggunaan pengendalian peralatan yang betul dan juga asas di dalam pendrafan pola pakaian. Hasil kajian ini mendapati bahawa elemen psikomotor merupakan elemen utama dalam proses pengambilan ukuran badan dan juga penghasilan pola pakaian.

**Katakunci:** Pendrafan pola; Pakaian dan sistem pendrafan

